

U BU25 BAH
MOHAMED - UMNO

TANAH MERAH, 23 JUN (BERNAMA) -- PERTEMUAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DENGAN SULTAN KELANTAN DI ISTANA MAHKOTA DI SINI MINGGU LEPAS MEMBAWA PERKEMBANGAN POSITIF KEPADA SUASANA POLITIK NEGERI INI, KATA MENTERI BESAR, TAN SRI MOHAMED YAACOB HARI INI.

BELIAU ENGGAN MENGULAS SAMA ADA PERJUMPAANNYA DAN SEMUA WAKIL RAKYAT, SENATOR DAN SETIAUSAHA POLITIK BAGI MENTERI-MENTERI DARI KELANTAN DENGAN PERDANA MENTERI DI KUALA LUMPUR SEMALAM ADA KAITANNYA DENGAN PERKEMBANGAN TERBARU ANTARA UMNO DAN ISTANA.

TAN SRI MOHAMED, YANG JUGA KETUA UMNO BAHAGIAN TANAH MERAH BERKATA, DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEYAMPAIKAN SIJIL KEANGGOTAAN KEPADA KETUA-KETUA CAWANGAN UMNO, DALAM BAHAGIAN ITU, DI BATU GAJAH DEKAT SINI.

BELIAU YANG BERULANG KALI DIMINTA MENERANGKAN TUJUAN PERJUMPAAN MEREKA DENGAN PERDANA MENTERI ITU, HANYA SEKADAR BERKATA IA ADALAH PERJUMPAAN TERTUTUP.

BAGAIMANAPUN, MENURUTNYA, SEPANJANG PERJUMPAAN ITU SEMALAM, PERDANA MENTERI NAMPAKNYA BEGITU GEMBIRA SEKALI. -- LAGI

1657MST 23 06 89

D454

U B026 BAH
MOHAMED - UMNO 2 TANAH MERAH

TAN SRI MOHAMED JUGA MENAFIKAN KONONNYA PERTEMUAN MEREKA DENGAN PERDANA MENTERI SEMALAM, ADA KAITANNYA DENGAN KHABAR-KHABAR ANGIN YANG MENYATAKAN BAHAWA BELIAU DIMINTA MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI MENTERI BESAR.

MENURUT LAPORAN AKHBAR HARI INI, PERTEMUAN SELAMA DUA JAM ANTARA PERDANA MENTERI DAN PEMIMPIN POLITIK DARI KELANTAN ITU ANTARA LAIN, IALAH UNTUK Mencari JALAN PENYELESAIAN +SALAH FAHAM+ YANG TERDAPAT ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN ISTANA.

LAPORAN ITU JUGA MENYEBUT BAHAWA PERJUMPAAN SEMALAM, MERUPAKAN SEBAGAI SUSULAN KEPADA PERJUMPAAN YANG DIBUAT DENGAN PEMIMPIN POLITIK KELANTAN PADA 27 APRIL. DALAM PERJUMPAAN ITU PERDANA MENTERI TELAH MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA MENGEKALKAN HUBUNGAN BAIK ANTARA SULTAN DENGAN UMNO.

SEBELUM ITU, DALAM UCAPANNYA, TAN SRI MOHAMED BERKATA KELANTAN PERLU DIPERINTAH OLEH UMNO DAN BARISAN NASIONAL (BN) JIKA IA MAHU TERUS MENIKMATI KEMAJUAN.

BELIAU BERKATA PENDUDUK NEGERI INI TELAH LAMA KETINGGALAN DAN DI AKHIR-AKHIR INI SAHAJA BARULAH SEDIKIT SEBANYAK MERASA NIKMAT PEMBANGUNAN.

OLEH ITU, UNTUK MENDAPATKAN BANYAK LAGI PROJEK PEMBANGUNAN TERUTAMANYA DARI KERAJAAN PUSAT, RAKYAT PERLU BEKERJA KUAT BAGI MEMPASTIKAN UMNO AKAN TERUS BERKUASA DI NEGERI INI, KATANYA, -- BERNAMA

1659MST 23 06 89